

# Kritikan Dr. Mahathir tidak jejas ekonomi negara

Oleh MANZAIDI MOHD. AMIN

**KOTA BHARU** 30 Jun - Pertumbuhan ekonomi negara kini mencapai enam peratus iaitu tahap paling baik selepas kegawatan ekonomi 1997 walaupun ada kebimbangan pihak tertentu berhubung tercetusnya krisis antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin (**gambar**) berkata, krisis peringkat dalaman itu tidak akan memberi kesan buruk kepada perkembangan ekonomi negara kerana ia lebih dipengaruhi oleh ketidaktentuan yang berlaku pada peringkat global.

"Setakat ini kita tak nampak krisis yang berlaku antara bekas Perdana Menteri dengan kerajaan boleh menyebabkan ekonomi negara terjejas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO Kelantan di Bangunan UMNO Negeri di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kebimbangan



sesetengah pihak mengenai perkembangan ekonomi negara berikutan krisis yang berlaku antara Dr. Mahathir dengan kerajaan.

Ditanya adakah kemungkinan Malaysia akan berdepan dengan kemalapan ekonomi pada masa akan datang ekoran kesan daripada krisis itu, Awang Adek yang juga

Kita kena lihat pada sejarah ekonomi. Kalau kemalapan berlaku sekali pun, bukan disebabkan krisis kepimpinan, sebaliknya berpunca daripada perkembangan dunia seperti kenaikan harga minyak dan peperangan

**AWANG ADEK**  
Ahli Parlimen Bachok

Ahli Parlimen Bachok berkata: "Kita bukan ahli nujum nak baca (ramal) ekonomi (negara) akan datang, tetapi berdasarkan perkembangan yang kita capai sehingga lapan peratus dalam tempoh 10 tahun dari tahun 1987 hingga 1997 menunjukkan prestasinya memberangsangkan.

"Kita kena lihat pada sejarah ekonomi. Kalau kemalapan berlaku sekali pun, bukan disebabkan krisis kepimpinan, sebaliknya berpunca daripada perkembangan dunia seperti kenaikan harga minyak dan peperangan.

"Ini yang saya maksudkan ketidakentu-

an dunia. Maknanya ia melibatkan masalah struktur ekonomi yang defisit besar dalam perdagangan dunia yang berpunca daripada kenaikan minyak dan peperangan."

Sehubungan itu, beliau menggesa rakyat negara ini tidak memikirkan soal krisis kepimpinan itu sebagai isu, sebaliknya mereka perlu memberi tumpuan untuk bersatu-padu.

"Ini adalah penting bagi memastikan kerajaan dapat melaksanakan tanggungjawabnya memacu negara ke landasan yang betul terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9),"ujarnya.